



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 11 JUN 2020

#### **STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **51 kes** yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini. Jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 dan telah discaj daripada wad adalah sebanyak **7,065 kes** (84.4 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

#### **STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA**

Sehingga 11 Jun 2020 pukul 12:00 tengah hari, terdapat **31 kes** baharu yang telah dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **8,369 kes**. Oleh itu, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah 1,186 kes**. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan.

Ingin dimaklumkan daripada 31 kes baharu yang dilaporkan, 11 kes adalah kes import yang mendapat jangkitan di luar negara. Daripada 20 kes penularan di dalam negara, 19 kes adalah bukan warganegara dan hanya satu (1) kes adalah di kalangan warganegara Malaysia iaitu merupakan kes di Selangor bagi saringan pusat tahfiz.

Perincian bagi 19 kes di kalangan bukan warganegara adalah seperti berikut:

- 16 kes Kluster Pedas di Negeri Sembilan;
- Satu (1) kes Kluster Kampung Sungai Lui, Selangor;
- Satu (1) kes Kluster Syarikat Pembersihan Kuala Lumpur;
- Satu (1) kes saringan pekerja di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Sehingga kini, sebanyak lima (5) kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU). Tiada kes yang memerlukan bantuan pernafasan.

Adalah dimaklumkan bahawa **tiada** pertambahan kes kematian berkaitan COVID-19 dilaporkan pada hari ini. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah kekal sebanyak **118 kes** (1.41 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

## **PERANAN KEWARTAWANAN DAN MEDIA DALAM PANDEMIK COVID-19**

Sejak awal wabak COVID-19 lagi, kita telah berdepan dengan cabaran memerangi virus dan “viral”. Virus yang kita hadapi adalah virus SARS-CoV-2 yang menyebabkan jangkitan COVID-19, manakala isu “viral” yang dimaksudkan pula adalah penularan berita palsu serta maklumat yang tidak sahih yang merebak dalam masyarakat secara lebih pantas daripada penularan virus COVID-19 itu sendiri. Seperti yang disebut oleh Dr Tedros Adhanom Ghebreyesus, Ketua Pengarah Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), kita bukan sekadar memerangi wabak COVID-19, malah turut memerangi infodemik berkaitan dengan virus ini. Kedua-dua isu ini perlu kita tangani serentak.

Dalam pada petugas kesihatan dan lain-lain anggota barisan hadapan bertungkus lumus membendung penularan virus COVID-19, pihak pengamal media dan wartawan juga memainkan peranan utama sebagai barisan hadapan dalam memberikan maklumat sahih serta memerangi berita palsu COVID-19. Ini termasuklah tugas yang dijalankan oleh wartawan, jurugambar, juru kamera di lapangan, dan pelbagai petugas di studio misalnya penyunting, juru berita, petugas media sosial dan sebagainya. Malahan, jurubahasa isyarat juga memainkan peranan yang sangat penting untuk menyampaikan maklumat kepada mereka yang berkomunikasi melalui bahasa isyarat.

Pelbagai platform media massa, media sosial dan media baharu telah digunakan bagi memastikan orang ramai sentiasa dimaklumkan dengan maklumat dan berita yang tepat, cepat dan sahih mengenai wabak COVID-19.

KKM ingin mengucapkan terima kasih kepada semua rakan dalam bidang kewartawanan yang telah memainkan peranan yang sangat besar sebagai barisan hadapan dalam menyampaikan situasi sebenar COVID-19 kepada masyarakat.

Namun begitu, dalam dunia serba moden ini, penggunaan media baharu dan media sosial semakin meluas. Kewartawanan konvensional kini bukanlah satu-satunya kaedah penyebaran maklumat. Kini, semua pengguna media baharu dan media sosial juga adalah ibarat “wartawan”; melapor dan menyebarkan luas maklumat mengenai pelbagai perkara, 24 jam sehari dan tujuh (7) hari seminggu. Inilah konsep “*citizen journalism*”.

KKM memuji ramai netizen yang telah bersama-sama dengan Kerajaan dalam memerangi COVID-19. Ramai yang telah menjalankan tanggungjawab sosial mereka dengan memuatnaik dan menyebarkan luas maklumat yang tepat dan sahih mengenai COVID-19, Perintah Kawalan Pergerakan dan pelbagai maklumat berkaitan yang disalurkan oleh Kerajaan.

Namun begitu, terdapat segelintir netizen yang tidak bertanggungjawab dan menyebarkan maklumat palsu, fitnah dan

lebih serius ada juga yang menghasut orang ramai untuk tidak akur kepada peraturan dan nasihat yang diberikan.

Seperti dimaklumkan oleh YB Menteri Kanan (Kluster Keselamatan), sehingga 11 Jun 2020, sebanyak 266 kertas siasatan telah dibuka oleh PDRM dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) berhubung berita palsu berkaitan COVID-19. 30 kes telah didakwa di mahkamah, 11 diberikan notis amaran dan 18 telah mengaku bersalah. Tahniah diucapkan kepada PDRM dan SKMM yang telah terus membuat pemantauan ketat terhadap penyebaran berita palsu.

Dalam masa yang sama sebanyak 330 penafian dan penjelasan mengenai berita palsu telah diperjelaskan kepada orang ramai oleh Pasukan Respon Pantas (PRP) Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) yang ditubuhkan bagi membantu membendung penyebaran berita palsu berkaitan COVID-19.

Orang ramai diingatkan supaya **berhati-hati** sebelum menyebarkan sebarang kandungan yang diragui kesahihannya dan boleh menyalurkan maklumat kepada PRP di:

- talian 03-8911 5103 atau
- layari [www.sebenarnya.my](http://www.sebenarnya.my) untuk menyemak kesahihan berita.

## NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

Pihak KKM menyeru kerjasama daripada setiap individu agar kita dapat sama-sama membendung wabak COVID-19 dan memastikan rantai jangkitan COVID-19 diputuskan di Negara. Antara amalan-amalan yang disarankan adalah:

- **Elakkan 3S / 3C:** iaitu elakkan kawasan yang **sesak** (*Crowded place*), elakkan kawasan yang **sempit** (*Confined space*) dan elak sembang atau bertutur dengan jarak yang **dekat** (*Close conversation*).
- **Amalkan 3W:** iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (*Wash*), sangat digalakkan memakai alat pelitup separuh muka (penutup hidung dan mulut - *face mask*) di tempat awam atau jika bersejaja (*Wear*), dan (*Warn*) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
  - Elak bersalaman / bersentuhan;
  - Amalkan etika batuk dan bersin;
  - Dapatkan rawatan segera jika bersejaja;
  - Duduk di rumah dan elakkan kunjung-mengunjung;
  - Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Selain itu, sentiasa ingatlah kepada S.O.P, iaitu:

- **S:** Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah PKPB;
- **O:** Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P:** Penjarakan sosial (*social distancing*) diamalkan pada setiap masa iaitu sekurang-kurangnya 1 meter.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

11 Jun 2020 @ 5.00 petang

**BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI  
MALAYSIA  
(SEHINGGA 11 JUN 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN KES BAHARU *( )</b>	<b>BILANGAN KES KUMULATIF</b>
<b>PERLIS</b>	0	18
<b>KEDAH</b>	0	96
<b>PULAU PINANG</b>	0	121
<b>PERAK</b>	0	256
<b>SELANGOR</b>	3	1,974
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	16	927
<b>MELAKA</b>	11 (11)	246
<b>JOHOR</b>	0	677
<b>PAHANG</b>	0	363
<b>TERENGGANU</b>	0	111
<b>KELANTAN</b>	0	156
<b>SABAH</b>	0	355
<b>SARAWAK</b>	0	556
<b>W.P. KUALA LUMPUR</b>	1	2,399
<b>W.P. PUTRAJAYA</b>	0	97
<b>W.P. LABUAN</b>	0	17
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>31 (11)</b>	<b>8,369</b>

\*( ) adalah merujuk kepada kes-kes import